

TARIKH	13 / 6 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

MAIP terima zakat Tabung Haji RM2.4 juta

Kuantan: Majlis Agama Islam Pahang (MAIP) menerima zakat perniagaan berjumlah RM2.4 juta daripada Tabung Haji, di sini, semalam.

Penyampaian zakat itu dilakukan Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Kamarudin Mat Ali di Istana Mahkota, dekat sini, kepada Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang berkenan menerimanya bagi pihak MAIP.

Sebahagian perolehan Pengagihan zakat berkenaan adalah sebahagian

daripada perolehan keuntungan pendapatan dicatatkan Tabung Haji untuk tahun kewangan 2012.

Majlis turut dihadiri Timbalan Yang Dipertua MAIP, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan; Pengurus Besar Kanan Pusat Kutipan Zakat negeri, Datuk Halidan Md Daud dan Mufti Pahang, Datuk Abd Rahman Osman.

Jumlah meningkat

Sementara itu, Kamarudin berkata, jumlah berkenaan meningkat sebanyak 7.5 per-

ratus berbanding RM2.2 juta bagi 2011.

“Pembayaran zakat ini berdasarkan kaedah modal kerja terlaras dilaksanakan mengikut perkiraan tahun kewangan semasa. Bagi tahun kewangan 2012, Tabung Haji akan mengagihkan zakat perniagaan berjumlah RM41.2 juta kepada semua negeri di Malaysia.

“Selepas Pahang, kita akan mengagihkan zakat perniagaan di Kelantan dan akhir sekali kepada Wilayah Persekutuan tidak lama lagi,” katanya.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	13 / 6 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	



Sultan Ahmad Shah menerima replika zakat RM2,446,132.65 daripada Kamarudin yang mewakili Tabung Haji pada majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Tabung Haji 2012 bagi Pahang di Istana Mahkota, semalam. [FOTO MUSTAFFA KAMAL/BH]